

PM arah tingkat penguatkuasaan tangani kenaikan harga makanan

Anwar gesa pihak berkaitan segera bertindak, bukan sekadar kemuka laporan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengarahkan pemantauan dan penguatkuasaan dipertingkatkan susulan aduan kenaikan harga makanan dan isu kekurangan bekalan beras putih tempatan.

"Saya lihat ada rakan komen, harga beras turun, harga gula terkawal, harga ayam turun ke-timbang dua tiga tahun lalu, tapi harga makanan naik," tegas Perdana Menteri.

Begitu juga dalam isu beras tempatan, beliau berkata, kekurangan makanan ruji itu di pasaran juga memerlukan penguatkuasaan dan pemantauan lebih tegas, menuntut perubahan dan tinjauan yang kerap.

"Ini mungkin penguatkuasaan, mungkin pemantauan, harus juga menuntut kita lakukan tinjauan dan perubahan," katanya berucap pada Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, tindakan perlu diambil dalam menangani isu sedemikian, bukan sekadar mengemukakan laporan.

Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NA-

CCOL) Selasa lalu untuk yang memberi tumpuan kepada isu beras dan harga makanan ruji itu.

"Aneh tak, bila nampak Perdana Menteri mula 'naik angin' sikit, BERNAS (Padiberas Nasional) kata boleh turun RM2 dan pengilang kata boleh turun RM1. Tahun sudah tidak (boleh) pula, dua tahun sudah juga tidak.

"Jadi turun RM3 beras import, ada sesetengah tempat RM2 kerana pengilang tak sanggup, tapi umumnya RM2 ke RM3, itu sudah banyak untuk pembeli dan pengguna," katanya.

Anwar berkata, laporan berkait bekalan beras putih tidak selari dengan tawaran makanan asasi itu yang sebenarnya tiada di pasaran, malah beliau sendiri menerima aduan secara terus daripada peniaga.

"Beras RM26 (sekampit) tapi tiada dalam pasaran walaupun laporan kata ada. Hari itu, ada program jualan Rahmah, saya tanya seorang kakak, kenapa jual RM30 beras campur (sedangkan) ada RM26. Dia kata memang ada, tapi (bekalan) tak ada di kedai.

"Jadi, pada mesyuarat (NACCOL), kerajaan putuskan semua keperluan polis, tentera dan sekolah asrama dalam kontrak kerajaan, beli beras import supaya beras tempatan boleh masuk pasaran.

"Pada mesyuarat NACCOL turut didedahkan negara mempunyai 150,000 tan beras tempatan untuk diedar, tapi tidak mencukupi untuk semua. Tapi kalau tumpu luar bandar, pedalaman melalui FAMA, LPP boleh (mencukupi)," katanya.

Anwar merujuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang ber-



Anwar ketika berucap pada Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

tanggungjawab mengedar dan menjual beras putih tempatan.

"Tak cukup untuk semua, tapi kita tumpukan kepada miskin bandar dan di kawasan kampung dan pedalaman melalui FAMA dan LPP. Sekurang-kurangnya sebahagian besar, majoriti rakyat pendapatan rendah boleh dapat beras tempatan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, harga gula, beras dan minyak masak di Malaysia paling murah di Asia Tenggara, namun itu juga menghadirkan masalah kerana penyeludupan bertambah.

"Laporan dalam mesyuarat keselamatan, di Pulau Sebatik, satu pertiga (rakyat) Malaysia, dua pertiga (rakyat) Indonesia, tapi keperluan minyak mentah, beras, gula, semuanya untuk satu

pulau," katanya.

Pulau Sebatik terletak di Pantai Timur Borneo, terbahagi kepada dua bahagian, iaitu utara dalam wilayah Sabah, Malaysia, manakala selatan milik Kalimantan Utara, Indonesia.

Sebab itu, tegas Perdana Menteri, subsidi bersasar penting dan beberapa program serta prakarsa baharu serta kaedah percukaian baharu perlu.

"Namun, ia harus tidak menekan di bawah dan memberi keadilan supaya golongan mahakaya tak ambil faedah daripada subsidi," katanya.

Menyentuh isu lain, Anwar berkata, peruntukan kerajaan MADANI kepada Terengganu adalah lebih tinggi berbanding disalurkan kerajaan terdahulu dianggotai PAS dan BERSATU.

Katanya, sebanyak RM1.59 bi-

lion disalurkan kepada Terengganu tahun ini untuk belanja pembangunan berbanding RM1.55 bilion tahun lalu.

"Jadi untuk 2023 berdasarkan hasil petrol, wang ihsan diberikan adalah RM768 juta, tetapi pemberian untuk Terengganu untuk 2022, RM399 juta.

"Untuk 2023, kita tambah, maknanya semasa PAS, BERSATU dalam kerajaan dan masa kita dalam kerajaan, peruntukan masa kita lebih daripada masa PAS dan BERSATU... jadi zalim macam mana, kita tambah jadi RM413.64 juta dan ditambah untuk 2024, ada tambahan lagi," katanya.

Anwar menegaskan kerajaan MADANI tidak pernah menahan atau menghentikan peruntukan kepada mana-mana negeri termasuk negeri di bawah pentadbiran pembangkang.